



Unimas giatkan sukan bowling

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) yang baru menyambut ulang tahun ketiganya, mahu menjadi institusi pengajian tinggi pertama di negara ini bergiat cergas dalam bowling.

Pengurus Perhubungan Luar Unimas, Azlan Ramli, berkata sebagai permulaan Unimas akan menganjurkan Kejohanan Bowling Jemputan Unimas antara institusi pengajian tinggi dan badan korporat, Sabtu ini.

Menurutnya, 19 pasukan, termasuk 12 institusi pengajian tinggi mengesahkan menyertai kejohanan dua hari itu.

Azlan berkata, antara institusi pengajian tinggi yang menyertai kejohanan

itu ialah Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa depan Institut Teknologi Mara.

"Pasukan lain yang mengambil bahagian ialah Dewan Bandaraya Kuching Utara, Yayasan Sarawak, Bank Utama (M) Bhd dan Bank Bumiputra Malaysia Bhd," katanya di Kuching semalam.

Azlan berkata, jika sambutan terhadap kejohanan itu menggalakkan, ia akan dijadikan acara tahunan dan mungkin dianjurkan oleh Unimas sendiri atau penggiliran dengan institusi pengajian tinggi lain.